



Rujukan kami : PTG/PP/AUD/206 JLD. 2(5)
Tarikh : 31 Januari 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG BILANGAN 4/2023 MENGENAI PENGENAAN SYARAT NYATA YANG BERSESUAIAN DALAM PERMOHONAN MENGUBAH KATEGORI TANAH

Dengan hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Seksyen 52(1)(b) dan 124(2)(b) Kanun Tanah Negara (KTN) memperuntukkan pengenaan syarat nyata apabila tanah diberimilik dan apabila berlaku perubahan kategori kegunaan sesuatu tanah. Penetapan syarat nyata adalah bertujuan bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri mengawal tanah yang diberimilik supaya tidak disalahgunakan untuk tujuan selain daripada maksud asal tanah tersebut diberimilik.
3. Berdasarkan pengamatan pentadbiran ini terhadap kertas-kertas pertimbangan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (MJTN) melibatkan permohonan mengubah kategori kegunaan tanah, terdapat keadaan yang mana Pentadbir Tanah mengesyorkan syarat nyata yang sama dengan kategori tanah. Contohnya, bagi permohonan mengubah kategori daripada 'pertanian' kepada 'perindustrian', Pentadbir Tanah mengesyorkan kategori kegunaan tanah adalah 'Perindustrian' dan syarat nyata juga adalah 'Perindustrian'. Amalan ini adalah didapati kurang tepat.
4. Bagi menyelaraskan perkara ini, Pentadbir Tanah hendaklah mengesyorkan syarat nyata yang bersesuaian dalam kertas pertimbangan berdasarkan kegunaan/aktiviti yang hendak dilakukan di atas tanah oleh pemohon/pemilik tanah. Sekiranya pemohon/pemilik tanah tidak mempunyai perancangan berhubung dengan aktiviti yang hendak dilaksanakan, perkara ini juga hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam kertas pertimbangan.
5. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil tindakan sewajarnya berkaitan perkara yang dinyatakan di atas.

...2/-


Rujukan kami : PTG/PP/AUD/206 JLD. 2(5)

Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)
Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

e.d. Timbalan Pengarah (Perancangan dan Pembangunan)

Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)

Ketua Unit Hakmilik Strata

Ketua Unit Pembangunan

Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik

Ketua Unit Teknologi Maklumat

Ketua Unit Penguatkuasaan dan Teknikal

Ketua Unit Khidmat Pengurusan

Ketua Unit Perundangan

Ketua Unit Audit Pengurusan

Ketua Unit Hasil

Rujukan Kami : PTG/PP/AUD/206 JLD. 2(5)

SENARAI EDARAN

1. Pentadbir Tanah Daerah Timur Laut
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut
Tingkat 50 dan 51, KOMTAR
10000 George Town
Pulau Pinang
2. Pentadbir Tanah Seberang Perai Tengah
Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
3. Pentadbir Tanah Daerah Barat Daya
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang
4. Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Selatan
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang
5. Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Utara
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
Bertam, 13200 Kepala Batas
Pulau Pinang